

Tahap kesihatan masih terjejas, alami tekanan perasaan akibat disisih masyarakat

Derita berpanjangan pesakit Covid-19

KOSMO (12/06/2021) M15 03

PETALING JAYA – Hilang deria bau dan rasa, sukar bernafas serta badan sentiasa lemah antara kesan yang dialami bekas pesakit Covid-19 biarpun mereka telah disahkan pulih daripada serangan virus berkenaan.

Tahap kesihatan mereka tetap terjejas, malah ada antaranya yang terpaksa bergantung kepada ubat-ubatan selain perlu mendapatkan rawatan berkala setiap bulan di hospital.

Tidak sekadar itu, ada antaranya yang mengalami tekanan perasaan akibat stigma masyarakat yang menyisihkan mereka kerana takut dijangkiti wabak Covid-19.

Menceritakan derita yang ditanggung, bekas guru besar di Johor Bahru, Elias Dasuki, 65, memberitahu, dia kini mudah demam, sesak nafas selain sering mengalami sakit badan.

Dia disahkan positif Covid-19 pada 18 Mac tahun lalu dan koma selama 31 hari ketika dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), Hospi-

menyebabkan badan cepat lesu ketika melakukan sesuatu pekerjaan," katanya semalam.

Di Kelantan, seorang warga emas, Rose Mawati Abdul Rahman, 61, mengakui masih mengalami kesukaran untuk bernafas biarpun hampir tiga minggu keluar dari Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), Kota Bharu.

"Sejak disahkan bebas, saya amat takut untuk keluar rumah. Segalanya kini diuruskan oleh suami dan anak perempuan," katanya.

Jelasnya, pengalaman dijangkiti Covid-19 lebih memeritkan berbanding penyakit kanser tiroid dan sakit saraf kronik yang dialaminya.

Sementara itu, Nor Fakarudin Ismail, 47, berkata, seperti sesetengah orang, dia juga sering mengalami sakit dada dan sukar untuk bernafas biarpun telah dua bulan disahkan bebas daripada serangan koronavirus.

Katanya, biarpun disahkan



ELIAS bergambar bersama petugas kesihatan di Unit Covid-19, Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bahru tahun lalu.

Rawatan rapi (RRC), Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bahru.

“Meskipun sudah lebih setahun bebas daripada Covid-19 tetapi keadaan kesihatan saya tidak pulih sepenuhnya, saya mudah demam, kadang-kadang sesak nafas selain mengalami bisa pada badan.

“Saya juga trauma apabila sukar bernafas dan kini bergantung kepada ubat-ubatan serta vitamin yang dibekalkan pihak hospital,” katanya di sini semalam.

Sementara itu, **di Terengganu**, Muhammad Azwan Kimori, 29, berkata, dia masih mengalami batuk berpanjangan, keletihan dan sakit tekak yang mengganggu rutin hariannya.

Tambahnya, deria rasa dan baunya juga masih belum berada pada tahap terbaik seperti sebelum dijangkiti Covid-19.

“Saya masih mengalami simptom seperti batuk-batuk dan cepat berasa penat

bebas Covid-19, namun ia bukan pengakhiran kepada derita serangan pandemik itu apabila tahap kesihatan dan kehidupannya masih terjejas.

“Saya sukar untuk bernafas dan seringkali sakit dada, malah deria bau juga semakin lemah.

“Walau letak asam keping depan hidung pun saya masih tidak dapat bau. Doktor beritahu ia kesan daripada jangkitan Covid-19 sebelum ini,” ujarnya.

Dia yang juga pesakit asma dan diabetes memberitahu, dirinya disahkan positif Covid-19 pada 26 Februari lalu selepas menghadiri satu majlis kenduri di kampungnya di Pulau Chondong, Machang.

Tambahnya, dia juga mengalami tekanan apabila jiran-jirannya menjauhkan diri daripada keluarganya sejak didapati menghidap virus pembunuh itu.

“Orang di kawasan kediaman saya masih lagi menjauhkan diri



MUHAMMAD AZWAN

daripada saya serta keluarga, walaupun tahu saya sudah pulih dari Covid-19 tapi mereka tetap lagi berjaga-jaga.

“Saya tidak boleh salahkan orang sekeliling, mungkin mereka beringat dan ingin jauhkan dari virus ini, namun kesannya terhadap psikologi saya amat teruk dan saya tidak tahu bila perkara ini bakal pulih,” jelasnya.



ROSE MAWATI ketika menerima rawatan di HRPZ II, Kota Bharu selama 23 hari akibat Covid-19.